



Rujukan : UKM KPD/262/3

Tarikh : 3 Ogos 2017

Semua Pelajar  
Program Siswazah  
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

**MAKLUMAT PENTING SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2017-2018**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa perkuliahan semester 1 sesi akademik 2017-2018 akan bermula **4 September 2017**. Sehubungan dengan itu, bagi melancarkan perjalanan proses pembelajaran semester hadapan maka disenaraikan perkara penting untuk makluman dan peringatan bersama.

**1. PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2017-2018**

Saudara/i boleh mendaftar kursus **bermula 14-25 Ogos 2017**. Sila rujuk tarikh-tarikh penting semester 1 sesi 2017/2018 di laman web PKP sebagai panduan.

**2. JADUAL PERKULIAHAN**

Sila rujuk jadual perkuliahan di laman web PKP. Pelajar juga dinasihatkan menyemak jadual kuliah sebelum hadir ke kuliah untuk sebarang makluman terkini.

**3. YURAN PENGAJIAN**

Sila buat pembayaran yuran sekurang-kurangnya 50% daripada yuran semester **sebelum 21 Ogos 2017**. Kaedah pembayaran yuran boleh dirujuk pada Peraturan Am Kewangan Pelajar di muka utama laman web PKP. Pelajar boleh menyemak penyata kewangan menggunakan sistem KewPKP. Sistem ini boleh dicapai dari muka utama laman web PKP. Pengenalan dan katalaluan adalah sama dengan SMPE.

Sila abaikan makluman ini jika saudara/i telah menamatkan pengajian pada semester 2 sesi akademik 2016-2017.

Selamat maju jaya dalam menghadapi pembelajaran untuk masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

**PROF. DR. NORHAMIDI MUHAMAD**

Pengarah

- s.k. - Penyelaras Program  
- Ketua Bahagian Pengurusan Akademik, PKP  
- Ketua Bahagian Kewangan, PKP

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Telefon: +603-8921 4073 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: pghkmbgn@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>



**PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN**

**TARIKH-TARIKH PENTING SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2017-2018**

**PROGRAM SISWAZAH SEPENUH/SEPARUH MASA  
FAKULTI TEKNOLOGI DAN SAINS MAKLUMAT**

<b>PERKARA</b>	<b>TARIKH</b>
Tambah dan Gugur kursus	4 September-1 Oktober 2017
Tarik Diri kursus (TD)	2-29 Oktober 2017
Peperiksaan Akhir	26 Disember 2017-12 Januari 2018

Bagi tujuan tambah / gugur / tarik diri kursus di atas, sila lakukan melalui SMPE di <http://www.ukm.my/smpe>.  
Permohonan selepas tarikh-tarikh yang disebutkan di atas **tidak akan dipertimbangkan**.